

Sejarah Lisan Temubual Dengan Encik Ibrahim bin Mohamad  
Pembuat Blok Batik Pada 3.6.2000

Penemuramah 1

Saya nak bercakap. Mula-mula kita nak tanyalah. Nak Tanya latar belakang poklah. Pok nama apa, umur berapa, nama anak, isteri. Makna dulu belajar mana. Gitulah. Mula-mula kita nak tanya ni. Bismillahirrahmanirrahim. Boleh Encik Ibrahim beri sedikit tentang latar belakang.

Encik Ibrahim bin Mohamad (Tokoh)

Nama Encik Ibrahim bin Mohamad.

Penemuramah 1

Umur sekarang berapa dah?

Encik Ibrahim bin Mohamad (Tokoh)

Enam puluh tiga.

Penemuramah 1

Anak ada berapa orang?

Encik Ibrahim bin Mohamad (Tokoh)

Anak ada sebelas.

Penemuramah 1

Isteri soranglah?

Encik Ibrahim bin Mohamad (Tokoh)

Ha. Ya.

Penemuramah 1

Laki berapa orang?

Encik Ibrahim bin Mohamad (Tokoh)

Berapa laki? Dok (tak) ingat dah. (Tokoh bertanya kepada isterinya)

Isteri Tokoh

Anak dua belas. Enam laki, enam puan.

Penemuramah 1

Sama banyak. Enam lelaki, enam perempuan.

Encik Ibrahim bin Mohamad (Tokoh)

Mati sorang.

Penemuramah 1

Encik Ibrahim ni mendapat pendidikan awal di mana?

Encik Ibrahim bin Mohamad (Tokoh)

Orang tua. Sekolah Paloh.

Penemuramah 1

Sekolah Paloh.

Encik Ibrahim bin Mohamad (Tokoh)

Ha. Sekolah Paloh, Pahtu (selepas itu) Grammar School. Pahtu (selepas itu) Sekolah Marang.

Penemuramah 1

Sekolah Marang tu sekolah menengah?

Encik Ibrahim bin Mohamad (Tokoh)

Sekolah melayulah.

Isteri Tokoh

Lepas sekolah melayu baru sekolah Grammar.

Penemuramah 2

Nama isteri?

Encik Ibrahim bin Mohamad (Tokoh)

Cik Zaiton binti Muda.

Penemuramah 1

Jadi anak-anak ni kerja belakalah? Ke belajar lagi?

Isteri Tokoh

Belajar ramai.

Penemuramah 1

Pakcik memang asal sini?

Encik Ibrahim bin Mohamad (Tokoh)

Dia orang Marang. Marang.

Penemuramah 1

Pakcik asal orang sini?

Encik Ibrahim bin Mohamad (Tokoh)

Ha. Kuala Terengganu tu lah tempat lahir.

Penemuramah 1

Kata Sekolah Paloh tadi?

Encik Ibrahim bin Mohamad (Tokoh)

Doh (dah) dulu duduk dengan tok (nenek). Pahtu (selepas itu) doh (dah) tua doh (dah) balik sinilah.

Penemuramah 1

Apa ni umur isteri berapa?

Encik Ibrahim bin Mohamad (Tokoh)

Berapa? Umur?

Penemuramah 1

Tahun berapa kahwin?

Isteri Tokoh

Kahwin tahun 60, 68.

Penemuramah 2

Umur anak hok (yang) paling tua sekali?

Isteri Tokoh

(tidak kedengaran suara)

Penemuramah 1

Hok (yang) sulung kerja dah ke dok (tak) lagi?

Encik Ibrahim bin Mohamad (Tokoh)

KERJA DOH (DAH) DI KUALA LUMPUR. KEMUDIAN  
(tidak kedengaran suara)  
PUAN. APA BENDA NI, MATI YANG KEDUA.

Isteri Tokoh

Yang kedua kerja tempat pembangunan. Syarikat swasta.

Penemuramah 1

Hok (yang) masih belajar lagi?

Isteri Tokoh

Masih belajar lagi...

Penemuramah 1

Enam dok (tak) enam yang telah bekerja. Tujuh belajarliah. Maknanya lima dah tamat belajarliah.

Penemuramah 1

Sudah berapa lama Encik Ibrahim ni, ni lah terlibat dalam bidang pembuatan blok ni. Sejak bila?

Encik Ibrahim bin Mohamad (Tokoh)

Lama dah masanya. Tukang Haji Ali hari tu hok (yang) Hiliran.

Penemuramah 1

Yelah hok (yang) Hiliran tu.

Isteri Tokoh

Masa umur...

Penemuramah 1

Semenjak umur berapa tahun? Belasan tahun?

Encik Ibrahim bin Mohamad (Tokoh)

Umur dua puluh lima.

Penemuramah 1

Dua puluh lima. Semenjak umur dua puluh lima. Dengan sape (siapa) dia? Haji Ali batik?

Encik Ibrahim bin Mohamad (Tokoh)

Ha. Dengan Haji Ali batik. Tokel (tauke) lamalah. Berguru dengan dialah skit (sedikit). Lepas tu pok gi (pergi) kerja Kuala Lumpur.

Isteri Tokoh

Jadi hok (yang) mula-mula ajar ni pok sedaralah (bapa saudara)?

Encik Ibrahim bin Mohamad (Tokoh)

Ha. Pok sedara (bapa saudara)lah. Pok sedara (bapa saudara) tu mengajar di...

Penemuramah 1

Pok sedara (bapa saudara)...  
Encik Ibrahim bin Mohamad (Tokoh)

Kawan baik.

Penemuramah 1

Pok sedara (bapa saudara) Pok Himlah?

Encik Ibrahim bin Mohamad (Tokoh)

Ha. Mengajar dia tu kawan baik. Jadi pecahan situlah.

Penemuramah 1

Jadi belajar daripada dua orang ni lah?

Encik Ibrahim bin Mohamad (Tokoh)

Yang dua orang ni lah.

Penemuramah 2

Pok sedara (bapa saudara) Pok Him tu nama mende (apa) ?

Encik Ibrahim bin Mohamad (Tokoh)

Encik Awang.

Penemuramah 1

Encik Awang batik.

Encik Ibrahim bin Mohamad (Tokoh)

Encik Awang bin Long lah. Horlah (yelah) buat batik.

Penemuramah 1

Buat batik jugaklah. Kata tadi gi (pergi) kerja Kuala Lumpur tu. Kerja...

Encik Ibrahim bin Mohamad (Tokoh)

Ikut tokel (tauke) Kota Bharu.